

12 AUG 1996

Mahathir - Tenaga

KERAJAAN AKAN SIASAT DAKWAAN MENGENAI PENYALAHGUNAAN KUASA DALAM TNB

KUALA LUMPUR, 12 Ogos (Bernama) -- Kerajaan akan menyiasat dakwaan mengenai salah pengurusan serta penyalahgunaan kuasa dalam Tenaga Nasional Berhad, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Kita akan mengambil tindakan jika dakwaan itu terbukti benar tetapi sehingga kini, saya belum mendapat maklumat mengenainya," kata beliau kepada pemberita selepas mengunjungi Pengerusi Majlis Pemulihan Undang-Undang dan Ketenteraman Negara Kesatuan Myanmar Jen Than Shwe di sini.

Perdana Menteri diminta mengulas laporan Pengerusi Lembaga Jawatankuasa Audit Tenaga Nasional Datuk Hanifah Noordin yang menyenaraikan 50 kelemahan pengurusan dalam syarikat pembekal tenaga itu termasuk daripada segi pengawasan terhadap kakitangan yang mencuri talian.

Mengenai pelantikan Ketua Pengarah Institut Standard dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) Datuk Dr Ahmad Tajuddin Ali sebagai Ketua Eksekutif Tenaga Nasional menggantikan Tan Sri Ani Arope, beliau berkata "tugas Tajuddin ialah untuk memeriksa dengan mendalam segala masalah dan kelemahan dalam Tenaga Nasional".

Beliau berkata ini bagi menentukan pengurusan yang lebih berkesan dalam Tenaga Nasional.

Terdahulu, Dr Mahathir mengadakan pertemuan selama setengah jam dengan Jen Than Shwe dan membincangkan pelbagai perkara kepentingan bersama kedua-dua negara.

Yang turut hadir ialah Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar selaku Menteri Pengiring. -- BERNAMA

AKT FAZ